

09/07/2003

Harga cakera optik: Malaysia tidak tunduk tuntutan AS

Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Malaysia tidak akan tunduk terhadap tuntutan Amerika Syarikat yang menentang keputusan kerajaan untuk mengawal harga produk cakera optik dan perisian komputer dalam usahanya menangani kegiatan cetak rompak.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata sepatutnya kuasa besar dunia itu tidak bimbang, sebaliknya melihat dulu bagaimana Malaysia mengawal cetak rompak.

Sambil menganggap Amerika tidak memahami keadaan di Malaysia, beliau berkata, mengetatkan penguatkuasaan seperti yang dicadangkan kuasa besar itu bukan penyelesaian bagi masalah cetak rompak yang dihadapi negara ini.

Malah, katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan wakil industri sendiri pernah mengakui harga perisian komputer mahal dan tidak munasabah.

"Pihak Amerika tidak patut membuat kesimpulan melulu dengan menganggap langkah yang diambil kerajaan tidak munasabah kerana mekanisma pasaran di Malaysia tidak boleh dibandingkan dengan negara mereka.

"Kawalan harga adalah langkah yang diambil kerajaan untuk menangani masalah cetak rompak yang teruk di negara ini dan ia bukannya masalah di Amerika. Oleh itu ia perlu ditangani ikut cara kita dan bukan cara mereka.

"Saya tahu, langkah kawalan harga memang tidak popular tetapi di Malaysia ada kalanya langkah yang tidak popular itu pun kita terpaksa buat kerana ia masalah di sini dan bukan Amerika atau United Kingdom," katanya di pejabatnya di sini, semalam.

Beliau ditemui selepas mengadakan perbincangan dengan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri mengenai penambahan kakitangan penguat kuasa kementerian itu.

Muhyiddin mengulas kenyataan Penolong Setiausaha Pematuhan dan Akses Pasaran di Jabatan Perdagangan Amerika, William H Lash II yang menganggap langkah Malaysia akan membawa kesan negatif dan mendorong pengeluar Amerika menjauhkan diri dari negara ini.

Lash mendakwa keputusan mengawal harga produk cakera optik dan perisian komputer itu akan menggugat kedudukan Malaysia sebagai pasaran utama kepada tahap yang lebih rendah yang akan memberi kesan terhadap pilihan pengguna.

Amerika memiliki 70 peratus hak milik terhadap produk cakera optik, sekali gus menguasai pasaran industri berkenaan.

Lash berkata, selain mengawal harga, Malaysia perlu mengetatkan penguatkuasaan dan hukuman termasuk tempoh penjara terhadap tertuduh,

menghapuskan premis yang beroperasi secara tidak sah dan mendidik pengguna.

Muhyiddin berkata, kerajaan komited untuk melindungi harta intelek dan ia dapat dilaksanakan menerusi pembabitan industri dengan menawarkan harga produk yang berpatutan.

"Tidak dinafikan, harga yang akan ditetapkan industri tidak akan sama dengan harga yang ditawarkan lanun cetak rompak dan kita pun tidak menuntut hingga ke tahap itu kerana ia tidak praktikal.

"Tetapi, jika industri tidak ambil langkah untuk mengurangkan harga, sudah tentu strategi kerajaan untuk menangani masalah cetak rompak tidak akan berhasil," katanya.

Berikutan itu, katanya, langkah drastik mengikut Akta Kawalan Harga 1946 diambil, selain memperkenalkan undang-undang baru, meminda akta dan menjalankan penguatkuasaan secara berterusan.

Malah, katanya, tindakan kerajaan setakat ini juga diakui pihak Amerika mampu mengurangkan tahap cetak rompak kepada 25 peratus, berbanding 70 peratus sebelum ini.

Beliau berkata, Amerika perlu melihat situasi di negara ini termasuk pendirian Malaysia mengenai isu harga produk cakera optik secara menyeluruh.

"Mengikut pengalaman lalu, tindakan menguatkuasakan kawalan harga seperti produk industri berasaskan makanan, besi, simen dan penternakan ayam dapat memberi faedah kepada pengguna dan industri.

"Setakat ini, tidak pernah berlaku di mana tindakan kerajaan mengenakan kawalan harga membunuh industri terbabit," katanya.